

30 JUL 2004

LID-Mahathir

NEGARA MEMBANGUN SUDAH MULA TUNJUK KEBOLEHAN, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 30 Julai (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad berkata negara membangun yang mengambil bahagian dalam dialog perkongsian pintar seperti Global 2004 - Dialog Antarabangsa Langkawi (LID 2004), kini lebih faham tentang cara mentadbir dan membangunkan negara masing-masing.

Bekas Perdana Menteri berkata ada di kalangan mereka yang sudah mula menunjukkan kebolehan selepas mencapai kestabilan.

"Mereka nampak amat menghargai dialog ini," kata Dr Mahathir ketika ditemui selepas menghadiri satu sesi dialog LID yang bermula di sini semalam.

Beliau berkata Malaysia tidak harus menyembunyikan apa-apa mengenai soal pembangunan daripada pengetahuan negara membangun lain.

Katanya ada di kalangan negara membangun menghadapi masalah dalam menarik pelaburan, dan Malaysia mengambil peluang daripada siri dialog perkongsian pintar untuk menerangkan kepada negara terbabit bagaimana menarik perhatian pelabur.

Dr Mahathir berkata ia juga menjadi peluang kepada negara menjelaskan tentang pendekatannya dalam menangani kemiskinan iaitu melalui pengwujudan peluang pekerjaan dan bukannya "memberikan sesuatu secara percuma".

Sejak dimulakan pada 1995, beliau berkata Dialog Langkawi banyak memberi manfaat kepada Malaysia dari segi menjalinkan hubungan erat dengan para pemimpin yang hadir.

Ini, katanya, berguna dalam mendapatkan sokongan apabila Malaysia mengemukakan calon, contohnya, untuk jawatan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Dr Mahathir berkata apa yang penting ialah dialog seumpama itu membolehkan Malaysia lebih memahami keadaan di sesuatu negara ke arah memudahkan kegiatan pelaburan oleh pelabur dari negara ini.

Beliau berharap LID kali ini menjadi satu lagi langkah ke hadapan dalam menjalin hubungan yang baik dan mesra antara Malaysia dan negara membangun

lain.

"Negara peserta anggap kita sebagai contoh, mereka ingin tahu bagaimana kita dapat bangunkan negara kita," katanya.

-- BERNAMA

MAM ZAI NHD